

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA (SUNGAI BULOH)**

**SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk setiap lima tahun 2015 ke 2019, apakah jumlah permohonan untuk kewarganegaraan oleh kanak-kanak yang merupakan anak angkat. Berapa permohonan ditolak dan berapa dilulus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2015 hingga tahun 2019, sebanyak 11,907 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi anak angkat kepada pasangan warganegara Malaysia telah diterima. Perincian jumlah permohonan berkenaan mengikut tahun adalah seperti mana berikut:-

- a. Tahun 2015: 2,350 permohonan;
- b. Tahun 2016: 2,898 permohonan;
- c. Tahun 2017: 2,323 permohonan;
- d. Tahun 2018: 2,483 permohonan; dan
- e. Tahun 2019: 1,853 permohonan.

Seterusnya, daripada jumlah permohonan yang sama, sebanyak 1,042 permohonan telah diluluskan dan 234 permohonan telah ditolak.